



KERAJAAN MALAYSIA IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk Menaiktaraf Sistem Kumbahan Di Hospital Sultanah Aminah, Johor

2. **Keterangan Am Kerja**

Lokasi tapak bina terletak di sebahagian tapak di dalam kawasan Hospital Sultanah Aminah, Johor

Skop kerja bagi projek ini merangkumi kerja-kerja menaiktaraf sistem kumbahan jenis Rotating Biological Contactor (RBC) berkapasiti 5000PE kepada sistem Extended Aeration yang diluluskan oleh SPAN berkapasiti 8000PE dan memastikan effluent yang dilepaskan mematuhi peraturan Standard A, merekabentuk saluran keluar yang baru dan mendapatkan kelulusan pelan susunatur, lukisan kejuruteraan dan perubahan 'final discharge point'. Kerja-kerja pembinaan pagar dan lain-lain kerja berkaitan selaras dengan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Kerja dijangka akan dimulakan dalam bulan November tahun 2019 dan tempoh penyiapan adalah 104 minggu.

3. **Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan**

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut: -

i) **Pendaftaran Kontraktor**

- a) Jenis Syarikat – T1 (Syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan)
- b) Mempunyai pendaftaran seperti berikut :-
 - i) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), dan
 - ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred G6, Kategori CE dan Pengkhususan CE19 **atau**;
 - ii) Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dalam Kelas A, Kepala IV dan Sub-Kepala 3 **atau**;
 - iv) Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam Kelas A di bawah Tajuk I dan Tajuk kecil 5.
- c) Kontraktor Bertaraf Bumiputera berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).

Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB/PUKONSA/UPKJ/ BPKU dari menyertai tender, **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini.

Setiap pendaftaran seperti di perenggan b (i), (ii), (iii), (iv) dan (c) di atas hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra Kelayakan.

ii) **Keupayaan Kontraktor**

(a) **Keupayaan Kewangan**

Mempunyai *Nett Worth* melebihi **RM883,000.00** atau Modal Pusingan (*Working Capital*) melebihi **RM441,500.00** atau Modal Mudah Cair melebihi **RM264,900.00**.

(b) **Keupayaan Teknikal**

- Telah melaksanakan projek pembinaan yang **serupa*** dengan Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja melebihi **RM1,324,500.00** dalam sesuatu tahun bagi tempoh lima (5) tahun lepas. Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja adalah jumlah terkumpul nilai kerja projek-projek serupa yang telah dilaksanakan atau disiapkan dalam sesuatu tahun.
- Tidak mempunyai rekod prestasi kerja yang tidak memuaskan dalam tempoh lima (5) tahun lepas dari segi tempoh penyiapan dan mutu kerja.
- Tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit'.
- Pemohon Pra-Kelayakan yang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan sistem kumbahan/pembentungan di Hospital/Fasiliti Kesihatan adalah diberi keutamaan.

***Serupa – Kerja yang diliputi oleh kategori yang sama seperti kerja yang ditender**

iii) **Perunding Kontraktor**

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertauliah dan merupakan perunding bebas (*independent and not in-house consultants*) seperti berikut :-

- (a) Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan.
- (b) Berdaftar dengan Kementerian Kewangan.
- (c) Berpengalaman dalam merekabentuk sistem kumbahan/pembentungan di Hospital/Fasiliti Kesihatan adalah diberi keutamaan.
- (d) Perkhidmatan dan prestasi perunding yang baik.

4. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehi di pejabat Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya ATAU di pejabat Unit Kewangan & Perolehan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Aras 4, Blok B, Wisma Persekutuan, Jalan Ayer Molek, 80590 Johor Bahru, Johor dari 12 Mac 2019 hingga 27 Mac 2019 semasa waktu pejabat.

Dokumen Pra Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran seperti di perenggan 3 (i) (b) dan (c) dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran **ASAL**.

5. Harga dokumen ialah **RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja)** senaskah dan hendaklah di buat dalam bentuk Wang Pos/Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama: -

- i. Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia bagi Kaunter Tender dan Sebutharga, Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya;
- ii. Pengarah Kesihatan Negeri Johor bagi Unit Kewangan & Perolehan, Jabatan Kesihatan Negeri Johor, Aras 4, Blok B, Wisma Persekutuan, Jalan Ayer Molek, 80590 Johor Bahru, Johor dan dipalang 'Akaun Pembayar Sahaja'. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.

6. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut:- Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Perolehan dan Penswastaaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya tidak lewat dari jam **12.00** tengahari pada **28 Mac 2019**.